



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	19/9/2019	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Harimau kumbang belum masuk perangkap

KUALA TERENGGANU – Harimau kumbang yang berkeliaran di Taman Harmoni berdekatan Al Muktafi Billah Shah, Dungun sejak dua minggu lalu masih belum berjaya ditangkap.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu, Dr. Abdul Malik Mohd. Yusuf berkata, pihaknya telah memasang perangkap harimau di sekitar kawasan itu kelmarin.

“Selagi harimau itu belum masuk perangkap, kita nasihatkan penduduk terus berhati-hati dengan pergerakan mereka serta mengelak berada di luar rumah sekiranya tiada perkara yang



KERATAN *Kosmo!* 18 September 2019

mustahak.

“Penduduk perlu melaporkan segera kepada Perhilitan jika ada terlihat harimau itu di persekitaran mereka,” katanya ketika dihubungi *Bernama* semalam.

Katanya, kejadian itu merupakan aduan pertama diterima pihaknya mengenai harimau di kawasan perumahan setelah kemunculan dua ekor harimau di Kampung Besul Lama, Bukit Besi di Dungun dua bulan lalu.

Kosmo! semalam melaporkan, seorang penduduk, Nur Mazila Mohd. Salleh, 37, berkata, dia sendiri melihat seekor harimau kumbang berkeliaran di sekitar rumahnya.

“Ini kali ketiga saya melihat haiwan itu dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini, namun ada jiran mendakwa sudah melihat harimau itu berkeliaran sejak sebulan lalu,” jelasnya.